

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



Suara

MITASA

*Adab Sebagai Asas
Kecemerlangan Akademik
dan Pembentukan Sahsiyah*

*Biar Wasiat Jadi
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:
Prestasi Pekerja Dalam
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan
Graduan Teknologi
Maklumat Dalam Dunia
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi
Perkhidmatan - Membentuk
Insan Adabi Cemerlang*



PERJUANGAN YANG BERTERUSAN

Suara MITASA

Suara MITASA Edisi Januari - Jun 2025

©KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) 2024
37A,05 002/0, ARAS 5, BLOK A,
BANGUNAN FAKULTI SAINS GUNAAN,
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM),
SHAH ALAM, 40450, SELANGOR DARUL EHSAN.

Hak cipta terpelihara.

Tiada dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, atau cara lain sebelum mendapat keizinan daripada Kesatuan Kakitangan Akademik UiTM (MITASA).

Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Majalah ini diterbitkan dua kali setahun dengan menggunakan dwi bahasa.



ISI KANDUNGAN

• Editorial	4
• Carta Organisasi	5
• Sekapur Sireh Presiden MITASA	6
• Tinta Ketua Pengarang	7
• Maklumat Penyelaras MITASA di UiTM Cawangan 2023-2025	8
—	
• Kunjungan Kepada Majlis Tertinggi Kepimpinan CUEPACS	10
• Memahami Perkara 153: Antara Hak Istimewa dan Tanggungjawab Bersama	11
• Mesyuarat Bersama Pemegang Kerusi Institusi Raja-Raja Melayu	12
• Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kampus UiTM Shah Alam, Bil.1/2025	13
• Pemberian Sumbangan Menunaikan Ibadah Haji	14
• Bengkel Kesetaraan Kenaikan Pangkat UiTM Cawangan	15
• Majlis Sambutan Hari Pekerja dan Jalinan Kasih Silaturrahim CUEPACS	16
• Persidangan Gred Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun CUEPACS 2025	17
• Suara MITASA dimasukkan dalam repositori perpustakaan UiTM	18
—	
• Kursus Pengurusan Operasi Perkhidmatan - Membentuk Insan ADABI Cemerlang	21
• Adab Sebagai Asas Kecemerlangan Akademik dan Pembentukan Sahsiah Pelajar	24
• Renovasi Rumah - Lakukan 'Kerja Rumah' Sebelum Memilih Kontraktor	27
• Merungkai Potensi: Prestasi Pekerja Dalam Era Kerja Jarak Jauh	28
• Biar Wasiat Jadi Suara Terakhir	30
• Motivasi Diri Berdasarkan Penilaian Prestasi	32
• Penilaian Risiko Tempat Kerja & Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan 2022): MITASA Sedia Membantu	33
• Cabaran dan Keperluan Graduan Teknologi Maklumat Dalam Dunia Pekerjaan Masa Kini	35
• "SELAMAT KE KITA NI?": Meneroka 'OSH'	36
• Persediaan dan Cabaran Pelajar Lulusan SPM, Asasi, dan Diploma Dalam Temuduga Ijazah	38
• Lecturers' Roles In Students' Development	40
• Arabics As The Key To Knowledge, Civilization And Global Peace: Its Role In Religion, Nation, State and International Affairs	42
• Aligning The Faculty Of Plantation And Agrotechnology With The Sustainable Development Goals (SDG's): A Pathway To Sustainable Agriculture	44
• The Soul In The System - Why Educators Are Irreplaceable By AI	46
• Surviving Life As The Sandwich Generation	48
• Another Cup Of Coffee	51
—	
• Senarai Presiden MITASA	52
• Peruntukan Perundangan Membenarkan Keanggotaan	54

EDITORIAL

Suara MITASA



Penasihat
Saharuddin Lin



Ketua Pengarang
Mohd Shahrudin Mohmud



Editor Bersekutu
Prof Madya Dr Faridah Hussain



Editor Bersekutu
Haliza Ab Ghani



Eksekutif Media
Siti Fatimah Awang

CARTA ORGANISASI

MITASA
KESATUAN KAKITANGAN AKADEMIK
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Presiden MITASA

Saharuddin Lin
Fakulti Alam Bina



Timbalan Presiden MITASA

Mohd Amirul Akhbar
Mohd Zulkiffi
Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media



Setiausaha MITASA

Prof Madya
Dr Faridah Hussain
Fakulti Undang-Undang



Bendahari MITASA

Ts Nor Azlin Rosli
Kolej Pengajian Pengkomputeran
Informatik dan Matematik



Penolong Setiausaha MITASA

Sharifah Yuliana
Syed Ali Hanafiah
Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media



Exco Kebajikan

Dr Marfuzah Mohamed Zabidi
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari (ACIS)



Exco Kebajikan

Atifah Othman
Fakulti Undang-Undang
(Pusat Asasi UiTM)



Exco Penerbitan dan Media

Haliza Abd Ghani
Akademi Pengajian Bahasa



Exco Sukan

Dr Mohamad Firdaus Ahmad
Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi



**Exco Promosi, Sosial Media
dan Laman Web**

Dr Zaid Mujaiyid
Putra Ahmad Baidowi
Pusat Asasi UiTM



**Exco Promosi, Sosial Media
dan Laman Web**

Mohd Shahrudin Mohmud
Pusat Asasi UiTM



Exco Undang-Undang

Dr Adlan Abdul Razak
Fakulti Undang-Undang



Exco Aduan

Dr Mohammad Ghazali Maswri
Fakulti Sains Kesihatan

Sekapur Sireh Presiden MITASA



Encik Saharuddin Lin
Penasihat Suara MITASA
merangkap Presiden MITASA

Assalamualaikum
Wahamatullahi
Wabarakatuh dan
Salam Sejahtera.

Segala puji bagi Allah dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, para sahabat serta kaum keluarga baginda.

Salam sejahtera dan salam perjuangan untuk semua ahli MITASA dan kakitangan akademik UiTM khususnya.

Bertemu kembali di dalam edisi terbaru Suara MITASA. Ini adalah edisi terakhir saya sebagai Presiden MITASA. Pada 22 September 2025 nanti akan berlangsung Mesyuarat Agung MITASA, di mana barisan kepimpinan baru akan dipilih. Peringkat pentingnya pemilihan kali ini ialah, barisan kepimpinan baru akan menerajui MITASA untuk 3 tahun akan datang.

Dalam era perubahan yang semakin pantas, kepimpinan kesatuan sekerja bukan sekadar mempertahankan hak pekerja, tetapi juga menjadi pelopor kepada reformasi tenaga kerja yang lebih lestari dan progresif. Cabaran kepimpinan mendatang akan berdepan dengan dunia persekitaran universiti yang tidak lagi sama seperti dahulu. Kesan ekonomi yang mengalami gelombang turun naik telah memberi kesan kepada kesengangan kewangan universiti. MITASA juga akan berdepan dengan generasi baharu akademik yang membawa perspektif serta keutamaan yang berbeza.

Maka, kepimpinan kesatuan sekerja khasnya MITASA perlu lebih proaktif, inovatif, dan inklusif. Pemimpin masa depan haruslah memiliki visi yang jelas bukan sahaja dalam mempertahankan kepentingan kakitangan akademik tetapi juga perlu terlibat di dalam membangunkan ekosistem pekerjaan yang lebih sejahtera. Kesatuan tidak lagi hanya berfungsi sebagai benteng perlindungan, tetapi juga sebagai pemangkin kepada perubahan positif.

Antara cabaran utama yang menanti ialah ketidaktentuan ekonomi global yang sedikit sebanyak mempengaruhi kewangan negara dan universiti, serta keperluan untuk menyesuaikan diri dengan norma kerja baharu seperti pekerjaan fleksibel dan syarat-syarat kenaikan pangkat yang lebih mesra akademik. Kepimpinan MITASA masa depan harus mampu membina kesepakatan antara kakitangan akademik, pengurusan tertinggi universiti, dan kerajaan khasnya supaya setiap pihak mendapat manfaat dalam ekosistem pekerjaan yang seimbang.

Untuk mencapai matlamat ini, kepimpinan harus bertunjangkan prinsip keterbukaan, kecekapan, dan ketelusan. MITASA perlu lebih aktif dalam berdialog dengan pihak berkepentingan serta memanfaatkan

perjuangan mereka berlandaskan fakta dan bukti yang kukuh. Hanya dengan pendekatan yang dinamik serta berpandangan jauh, MITASA boleh terus relevan dalam mendepani cabaran masa depan.

Saluran perbincangan kesatuan bersama pengurusan atasan seperti Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) hendaklah sentiasa digunakan sepenuhnya untuk menyuarakan sebarang isu berkaitan kakitangan akademik. Saluran jaringan utama MITASA seperti Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Majlis Presiden Persatuan Universiti Awam (MPPA) dan Kongres Persatuan Akademik Malaysia (MAAC) harus terus dilibatkan secara aktif oleh kepimpinan MITASA.

Masa depan kepimpinan MITASA tidak hanya terletak pada kebolehan mempertahankan hak kakitangan akademik, tetapi juga pada kebolehan mengadaptasi perubahan dan mencorakkan haluan baru yang lebih inklusif serta progresif. Jika langkah ini diambil, MITASA akan terus menjadi tiang seri kepada kestabilan dan kesejahteraan akademik dalam arus universiti yang semakin mencabar.

Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam penghasilan edisi Suara MITASA pada kali ini. Sumbangan dan usaha keras sidang redaksi yang telah dicurahkan amat dihargai. Semoga Suara MITASA akan terus menjadi medium penting dalam usaha ketampakan MITASA dalam arus perdana universiti.

Sekian. Terima kasih.

Penasihat Suara MITASA
merangkap Presiden MITASA
Encik Saharuddin Lin

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.
Semoga kita semua sentiasa dirahmati
Allah SWT hendaknya.

Alhamdulillah, kali ini Suara MITASA melangkah semakin jauh ke hadapan dengan pelbagai perubahan yang diadakan setiap keluarannya. Perubahan ini membawa seribu kebaikan kepada pembaca, mahupun kepada perancang majalah ini sendiri. Kita bukan sahaja mahu jadikan ia wadah MITASA namun satu masa nanti ia dijadikan panduan semua pihak dalam proses pembelajaran Pendidikan Tinggi di Malaysia. Dengan penambahbaikan dalam bahan penulisan ahli serta Exco MITASA menjadikan Suara MITASA lebih bersifat kondusif serta dapat melahirkan pembaca yang lebih berdaya saing dari pelbagai aspek.

Walaupun kini masyarakat lebih cenderung ke arah pendidikan yang lebih moden tanpa memegang sebuah buku, namun MITASA masih komited dan yakin setinggi mana pun perkembangan teknologi dunia, sebuah buku tidak akan sesekali diketepikan. Itulah ilmu, walaupun kandungan di dalamnya boleh

Tinta Ketua Pengarang

diperolehi melalui paparan skrin telefon bimbit, namun kemodenan itu tidak boleh menghakis sifat dan sikap membaca dalam konteks tradisional. Oleh sebab itu MITASA sentiasa optimis dalam memastikan kandungan Suara MITASA sentiasa ditambah baik bagi memastikan ia sentiasa relevan di mata masyarakat, terutamanya warga UiTM, tidak kira sama ada pelajar mahupun warga pendidik. Budaya membaca buku semakin dilupakan, ia tetap menjadi cabaran pada masa kini. Namun ia bukanlah alasan untuk kita meniadakan kewujudan buku mahupun majalah ilmiah yang keaslian bahan dan faktanya terbukti dengan jelas.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada En. Saharuddin Lin, Presiden MITASA merangkap penasihat editorial Suara MITASA, semua penulis, editor-editor bersekutu dan eksekutif media yang telah bekerja keras untuk membawa Suara MITASA ke tahap yang lebih tinggi. Kerjasama dan komitmen yang diperlihatkan oleh setiap individu merupakan aset berharga yang menyumbang kepada kejayaan Suara MITASA. Saya yakin, jika ahli dan Exco MITASA menggunakan medium Suara MITASA ini dengan bijak, Insya-Allah, ia akan melangkah lebih jauh lagi dan menjadi antara majalah ilmiah tarikan pendidik di negara kita.

Sekian. Terima Kasih.

Ketua Pengarang Suara MITASA
Encik Mohd Shahrudin Mohmud



Encik Mohd Shahrudin Mohmud
Ketua Pengarang Suara MITASA

PENYELARAS MITASA DI UiTM CAWANGAN 2023-2025

ZON CAWANGAN	PENYELARAS PERHUBUNGAN		
UTARA	<p>Perlis (Arau) <i>Abdul Hapes Mohammed</i> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 016-3188491 hapes@uitm.edu.my</p>	<p>Kedah (Merbok) <i>Dr Khairul Adilah Ahmad</i> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-4791372 adilah475@uitm.edu.my</p>	<p>Kedah (Merbok) <i>Anis Faradella</i> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-6996939 anisfaradella@uitm.edu.my</p>
	<p>Pulau Pinang (Permatang Pauh) <i>Shaira Ismail</i> Fakulti Pengurusan dan Perniagaan 013-4455669 sheeraz@uitm.edu.my</p>	<p>Perak (Tengah) <i>Roslan Abd Wahab</i> Fakulti Perakaunan 019-2632840 roslanawahab@uitm.edu.my</p>	<p>Perak (Sri Iskandar) <i>Dr Husrul Nizam Husin@Husain</i> Kolej Pengajian Alam Bina 019-3716348 husrul820@uitm.edu.my</p>
	<p>Pulau Pinang (Bertam) <i>Muhammad Iqbal Shaharudin</i> Fakulti Sains Kesihatan 011-21100280 iqbal262@uitm.edu.my</p>		
TENGAH	<p>Selangor (Puncak Alam) <i>Prof Madya Khairin Anuar Md Isa</i> Fakulti Sains Kesihatan 019-9805501 khairil996@uitm.edu.my</p>		
SELATAN	<p>Negeri Sembilan (Seremban) <i>Dr Nur Sofiah Abu Kassim</i> Fakulti Sains Gunaan, Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar 012-5517700 nursofiah@uitm.edu.my</p>	<p>Negeri Sembilan (Kuala Pilah) <i>Nur Hidayah Mohd Razali</i> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 017-9534459 hidayah3849@uitm.edu.my</p>	<p>Negeri Sembilan (Rembau) <i>Dr Dzaa Imma Abdul Latiff</i> Fakulti Komunikasi dan Media 016-3683181 dzaa17@uitm.edu.my</p>
	<p>Johor (Pasir Gudang) <i>Dr Norbaiti Tukiman</i> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-7751404 norbaiti289@uitm.edu.my</p>		
TIMUR	<p>Pahang (Raub) <i>Rozeleenda Abdul Rahman</i> Fakulti Sains Gunaan, Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar 019-9772664 rozeleenda@uitm.edu.my</p>	<p>Terengganu (Dungun) <i>Ts Yau'mee Hayati Hj Mohamed Yusof</i> Fakulti Pengurusan Perniagaan 019-9890216 yaumee555@uitm.edu.my</p>	<p>Kelantan (Machang) <i>Dr Iskandar Hasan Tan Abdullah</i> Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi 013-5188618 iskan777@uitm.edu.my</p>
	<p>Sarawak (Samarahan) <i>Suriani Jack</i> Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik 019-8884422 sucjack@uitm.edu.my</p>	<p>Sabah (Kota Kinabalu) <i>Delia L. Olaybal</i> Akademi Pengajian Bahasa 016-8304950 delia733@uitm.edu.my</p>	

Life is like
riding a bicycle.

To keep
your balance,
you must keep



- Albert Einstein

Kunjungan Hormat kepada Majlis Tertinggi Kepimpinan CUEPACS



- Berlangsung pada 6 Mac 2025.
- MITASA diwakili oleh Presiden, Encik Saharuddin Lin, Naib Presiden, Encik Mohd Amirul Akhbar dan Exco Dr Mohammad Ghazali Masuri.
- CUEPACS diketuai Presiden CUEPACS, Datuk Dr Haji Adnan Mat dan seluruh kepimpinan tertinggi CUEPACS.
- Tujuan kehadiran MITASA ke CUEPACS ialah untuk membentangkan kertas cadangan kepada CUEPACS untuk menyarankan kepada kerajaan bagi menjalankan Program Saringan Psikososial Tempat Kerja.
- Langkah ini adalah kerana untuk menyaring tahap kesihatan mental para pekerja di sektor awam. Pilot projek ini telah pun dijalankan di UiTM di mana MITASA telah menjalankan program ini untuk kampus-kampus di seluruh UiTM.
- Pihak CUEPACS amat berminat dengan program ini dan akan memberikan maklum balas mengenai cadangan tersebut dari semasa ke semasa.

Memahami Perkara 153: “Antara Hak Istimewa dan Tanggungjawab Bersama”

- Berlangsung pada 5 Februari 2025.
- Dihadiri oleh Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin dan Exco Undang-Undang MITASA, Dr Adlan Abd Razak.
- Bertempat di Dewan Muktamar Masjid Al-Wathiqu Billah TuanKu Mizan Zainal Abidin.



- Merupakan langkah signifikan dalam memperkasakan misi asal penubuhan UiTM sebagai sebuah institusi khusus untuk kaum Melayu dan Bumiputera.
- Menghimpunkan wacana ilmiah bagi mendalami Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

- Forum ini bukan sahaja membuka ruang bagi pemahaman yang lebih jelas tentang kedudukan khas Melayu dan Bumiputera sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, malah turut menekankan tanggungjawab bersama dalam mengekalkan keharmonian serta kesejahteraan negara.
- Pro-Cancellor UNISZA merangkap Naib Presiden Majlis Datuk Dato' Malaysia, Yang Mulia Tunku Datuk Nooruddin 'Tunku Dato' Seri Shahabuddin telah merasmikan forum ini.

- Barisan panel jemputan ialah Pengerusi Lembaga Pengarah UTHM, Dato' Sri Ibrahim Ahmad, serta Profesor Datuk Dr Shamrahayu A. Aziz iaitu Profesor di Ahmad Ibrahim Kulliyah of Law, UIA yang telah berkongsi pandangan dan kepakaran mereka manakala Dekan (Akademik & Antarabangsa), Kolej Pengajian Seni Kreatif, Prof Madya Ts Dr Rusmadiyah Anwar bertanggungjawab sebagai moderator.
- Forum ini turut dihadiri oleh wakil daripada Majlis Datuk Dato' Malaysia, Akademi Kenegaraan Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Persekutuan Alumni UiTM Malaysia, serta persatuan dan kesatuan dalaman UiTM, selain kehadiran staf serta para pelajar UiTM.



- Berlangsung pada 21 Mac 2025 di Bilik Mesyuarat Pemerkasaan Adiwangsa.
- Dihadiri oleh Presiden MITASA, Presiden UTIMAS, Presiden KKUTTM, Presiden Kelab Alumni UiTM dan Presiden Persatuan Pentadbir UiTM.
- Mesyuarat bersama Penyanggah Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM, YB Senator Datuk Seri Profesor Emeritus Dr Awang Bin Sariyan.
- Perbincangan sekitar untuk melaksanakan program bersama komuniti yang melibatkan Raja-Raja Melayu bersama rakyat dengan kerjasama kesatuan dan persatuan dalaman UiTM. Program bertujuan untuk menjayakan program yang berkaitan dengan menaikkan kesedaran rakyat berkaitan kepentingan Institusi Raja-Raja Melayu.

Mesyuarat Bersama Pemegang Kursi Institusi Raja-Raja Melayu

- Antara cadangan yang telah diutarakan ialah mengadakan program yang mana Raja-Raja Melayu turun menyantuni rakyat dan menyampaikan ucapan kepada rakyat berkenaan dengan kepentingan Institusi Raja-raja Melayu kepada pentadbiran negara dan rakyat.
- Bertujuan untuk merapatkan jurang di antara Raja-Raja Melayu dan rakyat.




Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Kampus UiTM Shah Alam, Bil.1/2025

- Berlangsung pada 20 Februari 2025, di Dewan Mukhtamar, Masjid UiTM, Shah Alam.
- Program dianjurkan oleh Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang telah dipengerusikan oleh Prof Ts Sr Dr Md Yusof Hamid (Timbalan Naib Canselor Pembangunan).
- Membentangkan mengenai isu berkaitan kesihatan dan keselamatan. Antaranya ialah kes demam denggi yang melanda kolej-kolej berdekatan dengan kawasan penduduk seperti Melati, Mawar dan sebagainya.
- Langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi penularan wabak dengan mengadakan kerja-kerja larva siding dan juga fogging.

- Isu lain ialah berkaitan dengan kereta lusuh terbiar yang di parkir dalam kawasan UiTM. Didapati lebih 50 buah kereta telah di parkir dalam UiTM selama lebih 3 tahun. Pihak Unit Penyelenggaraan UiTM akan mengambil tindakan dengan penampalan notis supaya kereta dialihkan.
- Kemaskini maklumat terkini mengenai lif di Blok A, Fakulti Sains Gunaan dijadualkan beroperasi hujung April 2025.
- Pemakluman juga dibuat mengenai pengoperasian LRT 3 pada 30 September 2025. Kontraktor utama akan menyerahkan laluan stesen LRT 3 UiTM ke DATC pada bulan Jun 2025. Pihak UiTM dijadualkan akan menambah tujuh (7) buah bas untuk menampung permintaan daripada perkhidmatan berkenaan.





Pemberian Sumbangan Menunaikan Ibadah Haji

- Majlis penyampaian sumbangan tersebut diadakan secara bersama dengan Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI) UiTM pada 24 April 2025 di Masjid UiTM.
- Seramai 40 ahli MITASA telah berdaftar untuk mengerjakan haji bagi tahun 2025 dan menerima sumbangan yang telah disediakan MITASA.
- Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Naib Canselor UiTM, Ybhg. Prof Datuk Dr Shahrin Sahib.



Bengkel Kesetaraan Kenaikan Pangkat UiTM Cawangan

- Berlangsung selama dua hari iaitu pada 18 dan 19 Mac 2025 di ILD, Bandar Enstek.
- Dihadiri oleh 50 wakil-wakil dan penyelaras MITASA dari seluruh kampus UiTM.
- Tujuan bengkel ini adalah untuk merangka cadangan bagi kesetaraan penyeliaan untuk semua proses kenaikan pangkat di UiTM.
- MITASA menerima banyak aduan mengenai masalah kenaikan pangkat kerana kurangnya markah di dalam penyeliaan. Ini berlaku di kampus-kampus cawangan yang tiada program pasca-siswazah.
- Masalah penyeliaan ini telah menjadi begitu rumit untuk diselesaikan terutamanya di kampus seperti Kampus Pusat Asasi Dengkil dan cawangan-cawangan yang tiada program pasca siswazah.
- Para pensyarah amat sukar untuk memperoleh pelajar pascasiswazah untuk digraduakan sehingga menyebabkan ada pensyarah yang berkelulusan PHD tidak dapat naik pangkat walaupun telah 12 tahun berada di kampus berkenaan.
- Program ini telah dibantu oleh dua orang pakar iaitu Ahli Jawatankuasa Urusan Kenaikan Pangkat Peringkat Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan, Profesor Dr Anelka Aziz Hussin dan Pengerusi Gugusan Sains dan Teknologi (SnT), Prof Ir Dr Jamaluddin Mahmud.
- Dengan bantuan kedua-dua pakar ini, MITASA telah merangka satu kertas kerja yang akan dibentangkan kepada pengurusan tertinggi UiTM mengenai cadangan kesetaraan penyeliaan kenaikan pangkat.

Majlis Sambutan Hari Pekerja dan Jalinan Kasih Silaturahmi CUEPACS 2025

- Ia telah berlangsung pada 2 Mei 2025 dan dihadiri oleh Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin.
- Majlis diadakan di Wisma Perwira, ATM Kem Kementah.
- Moto sambutan ialah “Pekerja Informatif Pemacu Transformasi”.
- Lebih 1,000 pemimpin dan ahli kesatuan dari seluruh negara telah hadir.
- Di antara tetamu VVIP ialah Ketua Setiausaha Negara, Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia (KESUMA), Timbalan Ketua Polis Negara, KSU Kementerian-kementerian dan Ahli Majlis Kerja tertinggi CUEPACS.
- Mantan Presiden KKUITM, Tn Hj Zulkifli Mohamed telah dinobatkan sebagai Tokoh Hari Pekerja CUEPACS 2025 dan CUEPACS Selangor sebagai Cuepacs Negeri Terbaik.



Persidangan Gred Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun CUEPACS 2025



- Telah berlangsung pada 19 hingga 21 Januari 2025 di Pearl Hotel, Kuala Lumpur.
- MITASA diwakili oleh Setiausaha, Prof Madya Dr Faridah Hussain dan tiga EXCO MITASA iaitu Dr Mohammad Firdaus Ahmad, Mohd Shahrudin Mohmud dan Puan Atifah Othman.
- Persidangan tertumpu kepada topik seperti Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 (PINDAAN) 2020, Kesejahteraan Psikologi Menyumbang Kepada Produktiviti Kerja dan Pindaan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 171).
- Wakil MITASA juga telah mengusulkan cadangan supaya MITASA dengan kerjasama CUEPACS melaksanakan Saringan Psikososial yang diusahakan oleh Dr Mohamad Ghazali Masuri (Exco MITASA) bersama DOSH untuk semua Gred di bawah CUEPACS. Cadangan usul diterima oleh persidangan dan akan disusuli dengan perbincangan susulan di antara MITASA dan CUEPACS.





- Sebagai usaha memperluas capaian pembaca dan mendukung pemeraksanaan ilmu, MITASA turut bekerjasama dengan Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dalam memuat naik bahan penulisan warga UiTM ke Repositori Institusi UiTM.
- Pihak PTAR telah hadir ke Pejabat MITASA bagi membincangkan kerjasama tersebut dengan lebih mendalam pada 20 Jun 2025.
- Pertemuan dihadiri oleh Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin, Setiausaha MITASA, Prof Madya Dr Faridah Hussain, Bendahari, Ts Nor Azlin Rosli dan Ketua Pengarang Suara MITASA, Encik Shahrudin Mohmud dan Editor Bersekutu Suara MITASA, Puan Haliza Ab Ghani dan Eksekutif Media, Puan Siti Fatimah Awang
- Pihak PTAR diwakili oleh Timbalan Ketua Pustakawan, Puan Adlina Abdullah, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), Puan Rizana Mohd Radwan, Timbalan Ketua Pustakawan (M) (KUP), Puan Nor Hafizah Md Hanafiah dan Pembantu Pustakawan Tertinggi, Encik Faiz Azuan Harun.

Suara MITASA dimasukkan dalam repositori perpustakaan UiTM

- Inisiatif ini menyokong pencapaian UiTM dalam penarafan Web of Repositories peringkat dunia, di samping membantu meningkatkan nilai penilaian MyATP warga akademik melalui sumbangan kepada sumber ilmiah universiti.
- Suara MITASA kini dikeluarkan dua kali setahun iaitu Edisi Januari-Jun dan Julai-Disember. Majalah ini juga telah mendapat International Standard Serial Number (ISSN) hujung tahun 2024.
- Kini Suara MITASA maju lebih luas dengan adanya kerjasama yang terjalin dengan PTAR ini bagi memastikan ia memberi manfaat yang berguna kepada ahli-ahli dan pembaca dari seluruh pelusuk dunia.



Be
passionate
about

**SOLVING THE
PROBLEM**

not proving
your solution.

- Nathan Furr

“

*Sebaik-baik
manusia
adalah yang
paling
bermanfaat
bagi manusia*

”



Kursus Pengurusan Operasi Perkhidmatan - Membentuk Insan Adabi Cemerlang

Nurmuslimah Kamilah binti Abdullah
Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Pada tahun 1992, ketika berusia 10 tahun, bermulalah cita-cita untuk menjadi seorang pensyarah hasil cetusan seorang insan bergelar guru Bahasa Inggeris, Almarhumah Teacher Zaharah. Walaupun cita-cita ini pernah berubah sekali ketika berada di tingkatan 3, untuk menjadi seorang petani moden, namun Allah izinkan cita-cita untuk menjadi seorang pensyarah menjadi kenyataan. Nilai yang ditanamkan oleh Teacher Zaharah melalui pendekatan mencabar murid untuk menjadi insan berilmu dan beradab memberi inspirasi untuk menggalas tanggungjawab sebagai pendidik. Selain Teacher Zaharah, ramai lagi insan yang bergelar guru dan pensyarah yang menjadi pemangkin kepada penulis untuk terus berbakti.

Menjadi saksi kepada pendekatan para guru yang terus menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan, penulis dapat merumuskan Model A.D.A.B dan nilai dalam Model A.D.A.B yang disusun secara lebih berstruktur oleh Centre for Innovative Delivery and Learning Development (CIDL) secara tidak langsung telah lama dipraktikkan oleh para guru dan pensyarah, yang telah menyumbang kepada nilai yang diamalkan oleh penulis. Ini adalah kerana penekanan kepada menjaga hubungan dengan Allah, manusia dan alam telah disampaikan secara eksplisit dan juga implisit oleh para guru dan pensyarah penulis melalui kaedah dan pendekatan masing-masing.



Kesinambungan nilai ini dipraktikkan oleh penulis apabila mula bergelar seorang pensyarah bidang pengurusan operasi, dalam konteks ini, khususnya apabila mengajar pelajar Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Keputusan) Pengurusan Operasi di UiTM. Pengurusan operasi merupakan salah satu disiplin yang penting dalam sesebuah organisasi. Pengurusan operasi perkhidmatan antara cabang penting dalam disiplin pengurusan operasi. Ini adalah kerana apabila ekonomi berkembang, perkhidmatan menjadi semakin penting dan seterusnya sebahagian besar penduduk bekerja dalam aktiviti perkhidmatan. Tambahan pula kebiasaannya sesuatu produk harus dilengkapi dengan perkhidmatan. Sebagai contoh, pengeluar kereta, memerlukan pusat jualan dan servis bagi tujuan edaran dan perkhidmatan selepas jualan kereta kepada pengguna. Menyedari hakikat operasi perkhidmatan ada di mana-mana, maka persediaan kepada pelajar bidang pengurusan operasi, khususnya bagi kursus pengurusan operasi perkhidmatan adalah amat penting. Justeru kod nilai yang selari dengan Model A.D.A.B UiTM telah

dipraktikkan oleh pensyarah kursus pengurusan operasi perkhidmatan.

Dalam **Nilai Bertuhan** pelajar sentiasa diingatkan untuk sentiasa bulatkan hati bahawa Allah pengatur segalanya. "Strategi perkhidmatan kompetitif" antara tajuk awal yang didedahkan kepada pelajar, di mana strategi seperti kos keseluruhan, perbezaan dan fokus dijelaskan. Surah Al-Ikhlas yang umumnya dihafal oleh para pelajar beragama Islam diselitkan sekali dengan maksudnya supaya pelajar membulatkan hati bahawa Allah itu Satu, Allah tempat meminta segala sesuatu, Allah tidak beranak dan tidak diperanakkan, dan Allah tiada sekutu. Sehebat mana pun strategi yang manusia fikirkan, ianya adalah kerana Allah ilhamkan kepadanya. Sentiasalah berdoa kepada Allah agar strategi yang diambil adalah tepat dan terbaik dan membawa kejayaan. Sekiranya strategi yang dipilih tidak menjadi seperti yang diharapkan, pelan alternatif perlu diambil, dan kemampuan untuk berfikir dan melaksanakan pelan alternatif ini juga adalah dengan izin Allah.

Sektor pekerjaan di dunia majoritinya adalah dipelopori oleh perkhidmatan. Walaupun pertanian mendahului di beberapa negara, namun banyak negara lain menunjukkan bahawa saiz tenaga buruh didominasi oleh perkhidmatan. Perkhidmatan adalah sesuatu yang dinamik, mengikut keperluan kehendak spesifik pelanggan, dan bukan dalam bentuk fizikal namun boleh dilengkapi dengan produk. Justeru perlu pelajar faham bahawa para pekerja, pelanggan, dan majikan adalah daripada pelbagai latar belakang dan pegangan. Justeru **Nilai Beragama** diterapkan agar menghormati sesama manusia, sesama pekerja, pelanggan, dan pemegang taruh yang lain. Kepada yang beragama Islam sentiasa diingatkan untuk menjaga hubungan dengan Allah, manusia dan alam. Kepada yang mempunyai pegangan berbeza, pelajar diingatkan bahawa sedari kecil mereka juga diajar untuk hormat-menghormati, sopan, menjaga adab dan berbuat baik. Justeru, dalam pengurusan operasi perkhidmatan "kesombongan" hanya akan membinasakan.



Dalam tajuk kualiti perkhidmatan, antara dimensi kualiti perkhidmatan adalah empati, bermaksud bahawa penyedia perkhidmatan perlu memberikan perhatian yang mendalam dan khusus kepada setiap pelanggan secara individu. Ini adalah selari dengan **Nilai Berbuat Kebaikan** yang ditekankan dalam Model A.D.A.B. Para pelajar dinasihatkan untuk tidak terlalu cepat membuat andaian atau menghukum seseorang/pelanggan. Adalah amat penting untuk mempunyai rasa peduli, empati dan kemanusiaan. Pensyarah selalu berpesan, teruskan berbuat baik, jangan mengharapkan orang yang kita berbuat baik untuk membalas kebaikan kita, cukup dengan mengharapkan keredhaan Allah. Ini adalah kerana berkemungkinan besar, Allah akan menghantar orang lain atau makhluknya yang lain untuk membalas kebaikan yang pernah kita lakukan. Pelajar juga ditekankan untuk menjaga komunikasi yang baik antara sesama manusia sama ada bercakap secara berdepan, telefon, emel, dan juga di media sosial. Pelajar dikongsikan dengan Hadith Riwayat Bukhari

dan Muslim yang bermaksud “Perkataan yang baik adalah sedekah”.

Para pelajar bidang pengurusan operasi dididik dan dilatih untuk melihat sesuatu proses dari sudut pandang untuk meminimumkan pembaziran (**Kod nilai B8 Model A.D.A.B – elemen mengelakkan pembaziran/kerosakan**). Pembaziran ini bukan sahaja bagi aspek kuantitatif, tetapi juga kualitatif. Selain melibatkan kos, pembaziran tenaga dan masa, kehilangan kepercayaan oleh pelanggan/pembekal adalah sangat penting untuk dielakkan. Sebagai contoh, pelajar diajar untuk melihat sesuatu proses dalam bentuk “chopper view”; proses yang lengkap biasanya terdiri daripada gabungan beberapa aktiviti. Terdapat aktiviti yang boleh dibatalkan, digabungkan, diasingkan, dilaksanakan serentak, atau ditambah dalam usaha untuk meminimumkan pembaziran. Selain daripada dapat meningkatkan pendapatan ataupun hasil sesebuah organisasi, meminimumkan pembaziran adalah selari dengan ajaran

Islam. Islam sangat memandag berat terhadap sikap membazir, di mana dalam al-quran ada menyebut “orang yang membazir adalah saudara syaitan”; bukan setakat kenalan atau kawan, istilah “saudara” digunakan.

Dalam kursus pengurusan operasi perkhidmatan ini turut diselitkan elemen SULAM. “SULAM” adalah singkatan nama bagi Service Learning Malaysia - University for Society yang merupakan kaedah pembelajaran yang memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang ilmu, kemahiran dan kompetensi bidang mereka dalam menyelesaikan masalah atau isu masyarakat/komuniti. Tema “kelestarian” dipilih sebagai elemen SULAM, di mana pelajar perlu menyalurkan ilmu kelestarian yang dipelajari dalam kursus pengurusan operasi perkhidmatan kepada komuniti setempat. Pada semester ini pelajar berkongsi ilmu 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan 3Ps (*People, Planet, Profit*) kepada pelajar sekolah rendah. Di sini, nilai **Hubungan Dengan Masyarakat dan Hubungan Dengan Alam** diterapkan kepada pelajar. Pensyarah sering memotivasikan pelajar betapa pentingnya kita memberikan manfaat kepada orang lain dan tidak membuat kerosakan dengan berkongsi hadith dan ayat al-quran seperti berikut:

- hadith yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari yang bermaksud “Sebaik-baik manusia adalah yang paling bermanfaat bagi manusia”
- firman Allah dalam surah Al-Qasas (77) “Dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan”

Pensyarah sentiasa berusaha untuk menerapkan nilai “Insan Adabi” kerana percaya bahawa nilai-nilai ini, apabila diamalkan, dengan izin Allah akan mampu memangkin kecemerlangan pelajar yang merupakan modal insan atau pemimpin di masa akan datang. Pendekatan dan usaha untuk menambah ilmu oleh pensyarah amat penting agar mampu untuk terus menyampaikan ilmu berkaitan kursus yang diajar dan ilmu umum yang lain. Selain membaca, menonton video dan televisyen, platform media sosial, perbincangan bersama rakan sekerja; mendengar radio dalam perjalanan ke tempat kerja di pagi hari, ketika mengambil anak sekolah waktu tengah hari, atau di waktu petang ketika memandu pulang, mampu memberikan idea kepada penulis untuk dikongsi kepada pelajar. Selalunya Radio Malaysia Terengganu menjadi teman penulis. Sebagai pendidik, penulis merasakan secara implisit, pelajar turut “mengajar” pelbagai ilmu dan hikmah dalam hari-hari yang dilalui sebagai seorang pensyarah. Justeru, jelas sekali pembelajaran adalah kontinum sepanjang hayat.

Adab Sebagai Asas Kecemerlangan Akademik dan Pembentukan Sahsiah Pelajar

Prof. Madya Dr Azarudin Bin Awang

Pensyarah Akademik Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)

Pepatah Melayu ada menyebut, “*budi bahasa budaya kita*” dan “*hormat menghormati amalan mulia*”. Pepatah ini menjelaskan bahawa adab yang baik bukan sahaja mencerminkan keperibadian seseorang, tetapi juga menjadi tunjang kepada keharmonian dalam masyarakat. Ini membuktikan bahawa adab bukan sekadar satu kewajipan dan tuntutan agama, malah menjadi lambang keunggulan akhlak dan maruah diri yang mempererat hubungan sesama manusia.

Dari aspek bahasa, “adab” bermaksud tingkah laku yang halus dan sopan, serta budi pekerti yang baik dalam pergaulan seharian. Adab juga dirujuk sebagai suatu peraturan atau tatacara yang ditentukan oleh agama atau budaya bagi menunjukkan suatu kesopanan, penghormatan, dan nilai murni yang diamalkan dalam masyarakat. Secara umum, adab bermaksud tatacara atau aturan yang terpuji dalam pergaulan dan muamalah, serta melibatkan penghayatan terhadap nilai-nilai yang mulia dan sifat-sifat terpuji dalam kehidupan. Walaupun perkataan “adab” secara literal tidak disebut di dalam al-quran, namun ajaran tentang kepentingan menjaga adab tersirat dalam banyak ayat al-quran yang mengarahkan umat Islam agar berakhlak mulia dan berkelakuan baik. Antaranya adab berinteraksi sesama manusia (Al-Hujurat, ayat 11-12), adab ketika menziarahi rumah orang lain (An-Nur, ayat 27-28), adab bercakap dan berperilaku (Luqman, ayat 18-19), adab terhadap ibu bapa (Al-Isra', ayat 23-24) dan adab memberi salam (An-Nisa', ayat 86).

Dari segi istilah, adab merujuk kepada kebiasaan dan perlakuan yang baik, selaras dengan norma agama yang diwariskan kepada generasi-generasi seterusnya. Dalam ajaran Islam, adab bukan sahaja dilihat sebagai perkara sosial atau budaya, tetapi ia merupakan manifestasi iman dan keyakinan seseorang, kerana mematuhi adab adalah sebahagian daripada menjalankan perintah ajaran agama. Berdasarkan definisi di atas, adab bukan sekadar berkaitan dengan cara berkomunikasi atau berinteraksi dengan orang lain, tetapi merangkumi makna yang lebih luas, termasuk penjagaan kebersihan diri, disiplin masa, serta pemanfaatan ilmu dan kemahiran untuk kebaikan masyarakat. Malah turut dikaitkan dengan rasa rendah hati, sabar, dan menghargai pandangan orang lain.

Adab sebagai Teras Kecemerlangan Akademik

Dalam aspek pembangunan akademik, adab bukan sahaja elemen penting dalam menyemai kecemerlangan, tetapi juga berperanan utama dalam membentuk peribadi yang berintegriti dan berkualiti. Adab yang baik semasa proses pembelajaran dilakukan bukan sahaja mempengaruhi tahap penerimaan ilmu, malah turut memberi impak kepada keberkatan dan kesan jangka panjang ilmu yang diperoleh. Antaranya sikap hormat terhadap guru sebagai penyampai ilmu melambangkan manifestasi bagaimana seorang pelajar menghargai usaha dan pengorbanan mereka dalam menyampaikan ilmu dan pengetahuan.

Ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan penyampaian, tetapi juga membuka hati dan minda pelajar untuk menerima ilmu dengan lebih mendalam dan penuh ikhlas. Manakala adab menepati waktu dalam menghadiri kelas, menyiapkan tugas mengikut jadual, dan menunjukkan kesungguhan dalam usaha pembelajaran merupakan suatu manifestasi sikap positif dan komitmen tinggi pelajar terhadap pendidikan. Kesungguhan ini membantu mengukuhkan lagi disiplin diri dan daya fokus pelajar, sekaligus memupuk tabiat pembelajaran yang berterusan dan progresif. Pengamalan adab yang konsisten juga dapat memupuk etika kerja yang baik, yang akhirnya menjadi asas kepada kejayaan dalam menempuh dunia pekerjaan.

Adab tidak hanya terbatas kepada interaksi dengan guru sahaja, tetapi juga melibatkan hubungan dengan rakan sekelas dan bahan-bahan yang berkaitan pembelajaran. Sebagai contoh, menghargai pandangan dan idea rakan-rakan dalam perbincangan, serta menjaga kebersihan dan kemudahan di kawasan pembelajaran mencerminkan betapa perlunya sikap kesedaran sosial dan tanggungjawab bersama. Sikap ini membentuk persekitaran pembelajaran yang kondusif dan harmoni, yang seterusnya memperkayakan pengalaman dalam pembangunan akademik seseorang. Dengan mengamalkan adab yang baik, pelajar bukan sahaja memperoleh kecemerlangan akademik, tetapi juga membina sahsiah diri yang unggul.





Nilai-nilai ini akan menjadi asas kepada pembentukan masyarakat yang berakhlak mulia, di mana setiap individu memainkan peranan dalam menyumbang kepada pembangunan yang holistik dan seimbang. Akhirnya, penghayatan adab dalam pembelajaran bukan sahaja memberi manfaat kepada diri sendiri, tetapi juga melahirkan generasi yang mampu memimpin dan membawa perubahan positif kepada masyarakat dan negara.

Tuntasnya, kecemerlangan akademik merangkumi pembangunan akhlak dan sahsiah pelajar secara menyeluruh. Pengukuran kecemerlangan yang komprehensif ini melibatkan pembinaan nilai adab yang baik dalam kalangan pelajar, yang merupakan aspek penting dalam membentuk insan yang seimbang dari segi intelektual, emosi, dan spiritual. Pelajar yang beradab cenderung untuk menunjukkan disiplin yang tinggi dalam kehidupan harian mereka, termasuk dalam pengurusan masa, penyelesaian tugas, dan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum.

Justeru, sikap bertanggungjawab dan bersungguh-sungguh dalam usaha mereka mendorong pelajar untuk mencapai hasil yang lebih baik, bukan hanya dalam peperiksaan, tetapi juga dalam memahami dan mengaplikasikan ilmu yang dipelajari. Pembangunan sahsiah yang mantap membantu pelajar untuk berinteraksi dengan rakan sebaya, guru, dan masyarakat secara positif, yang selanjutnya mampu membina kemahiran komunikasi dan kepimpinan yang penting untuk masa depan. Nilai-nilai seperti hormat-menghormati, kesabaran, dan kejujuran yang diamalkan oleh pelajar berakhlak baik bukan sahaja meningkatkan keharmonian persekitaran sekolah, tetapi juga memupuk budaya ilmu yang sihat dan kondusif untuk pembelajaran.

Tidak dinafikan bahawa guru atau pensyarah serta institusi pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam memupuk adab dalam kalangan pelajar. Sebagai pendidik, guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi juga mendidik pelajar mengenai nilai-nilai murni dan tingkah laku yang baik. Melalui pendekatan pengajaran yang menekankan aspek pembangunan akhlak dan moral, guru dapat berfungsi sebagai contoh teladan yang wajar diikuti oleh pelajar, dengan menunjukkan cara berinteraksi dengan sopan, menghormati orang lain, serta mengamalkan adab dalam kehidupan seharian.

Pendekatan ini merangkumi penggunaan kaedah pengajaran yang menyisipkan nilai adab dalam pelbagai mata pelajaran, seperti menekankan aspek kesopanan dalam komunikasi bahasa dan pentingnya penekanan terhadap nilai amanah dalam subjek yang diajar. Selain daripada pengajaran formal di dalam bilik kuliah, program-program kokurikulum juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan nilai adab dalam kalangan pelajar. Aktiviti seperti program kem kepimpinan, ceramah motivasi, dan kempen nilai-nilai murni boleh dijalankan untuk memperkasa sahsiah diri pelajar. Aktiviti gotong-royong, sukan, dan kerja amal juga boleh dijadikan sebagai platform untuk mengajar pelajar mengenai kepentingan bekerja secara berpasukan, hormat-menghormati, dan mengambil peduli terhadap sikap tolong-menolong.

Justeru, institusi pendidikan boleh memperkenalkan pelbagai inisiatif pengukuhan adab, seperti kelas pendidikan moral atau agama yang memberi penekanan kepada nilai-nilai seperti kejujuran, kesabaran, dan rasa hormat terhadap guru dan rakan. Amalan harian seperti mengadakan sesi doa atau bacaan surah sebelum memulakan kelas juga dapat menyemai nilai spiritual yang boleh membentuk keperibadian pelajar. Di samping itu, institusi boleh mewujudkan dasar yang jelas mengenai disiplin dan

peraturan adab yang perlu dipatuhi oleh semua warga pendidik. Penglibatan pelajar dalam sebarang bentuk jawatankuasa memberi nilai tambah yakni nilai tanggungjawab untuk memastikan persekitaran sekolah yang kondusif dan beradab, seterusnya meningkatkan tahap kesedaran mereka tentang pentingnya mengamalkan tingkah laku yang baik.

Namun dalam era teknologi dan maklumat yang pesat, pelajar menghadapi cabaran mengekalkan adab. Meskipun kemajuan teknologi, memberi manfaat dalam pembelajaran, juga mengubah cara pelajar berinteraksi dan berkomunikasi. Media sosial dan platform digital membuka ruang untuk perbincangan, tetapi juga membawa risiko seperti sikap tidak sopan dan budaya "keyboard warrior".

Sudah tentu, fenomena ini sedikit sebanyak merosakkan adab pelajar dan boleh memberi kesan negatif dalam konteks akademik, dengan sikap kurang menghormati pandangan orang lain. Justeru, pendekatan holistik diperlukan untuk memastikan pelajar mengamalkan adab yang baik dalam dunia maya, termasuk memperkenalkan pendidikan adab digital dalam kurikulum. Program ini perlu mengajarkan etika penggunaan teknologi, kemahiran komunikasi beretika, serta kesedaran tentang undang-undang siber.



Adab merupakan asas penting dalam mengejar kecemerlangan akademik dan perlu diberi perhatian oleh semua pihak, termasuk pelajar, guru, dan ibu bapa, kerana ia bukan sekadar tingkah laku yang baik tetapi mencerminkan sikap hormat, disiplin, dan kesedaran moral yang menjadi tunjang utama dalam membentuk penibadi unggul. Dalam konteks pendidikan, adab memainkan peranan besar dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif, di mana pelajar menghormati guru, rakan sekelas, dan ilmu yang dipelajari, yang bukan sahaja memudahkan proses pembelajaran, malah menggalakkan pelajar untuk lebih komited dan berusaha mencapai kecemerlangan.

Sehubungan itu, usaha meningkatkan kesedaran tentang kepentingan adab perlu dipergiatkan melalui pelbagai kempen yang melibatkan semua pihak, termasuk sekolah, komuniti, dan organisasi kerajaan, dengan ceramah, bengkel, dan program motivasi berterusan yang menekankan kepentingan adab dalam kehidupan seharian dan kejayaan akademik, serta penggunaan media sosial untuk menyebarkan mesej positif. Selain itu, integrasi nilai-nilai murni seperti hormat-menghormati, jujur, bertanggungjawab, dan kesopanan dalam kurikulum pendidikan adalah langkah penting bagi membina generasi beradab dan berjaya, yang dapat dicapai dengan peranan teladan guru dan sokongan ibu bapa dalam mendidik anak-anak di rumah. Melalui usaha bersepadu untuk memupuk adab dalam kalangan pelajar, generasi akan datang diharapkan mampu mengharungi cabaran hidup dengan sikap positif dan membanggakan negara dalam pelbagai bidang.

Renovasi Rumah - Lakukan 'Kerja Rumah' Sebelum Memilih Kontraktor

Ir. Ts. Ahmad Idzwan Bin Yusuf

Pensyarah Kanan Pengajian Kejuruteraan Awam

Rumah adalah tempat untuk berehat dan menenangkan fikiran setelah seharian bekerja mencari rezeki. Oleh itu, setiap individu pastinya menginginkan rumah yang selesa dan menarik. Untuk mencapai impian tersebut, pengubahsuaian rumah sering menjadi pilihan, terutamanya bagi mereka yang membeli rumah terus daripada pemaju dan ingin menyesuaikan reka bentuk mengikut cita rasa sendiri. Selain meningkatkan keselesaan, pengubahsuaian rumah juga boleh menjadi satu bentuk pelaburan jangka panjang.

Namun, proses pengubahsuaian bukanlah sesuatu yang mudah. Ia boleh menjadi pengalaman yang menyeronokkan, tetapi pada masa yang sama, pemilik rumah harus bersedia menghadapi pelbagai cabaran yang mungkin timbul sepanjang proses tersebut. Kita sering mendengar pelbagai isu yang dihadapi oleh pemilik rumah semasa melakukan pengubahsuaian, antaranya kos pengubahsuaian yang meningkat melebihi bajet asal, projek mengambil masa lebih lama daripada tempoh yang dijanjikan, kualiti kerja yang tidak memuaskan dan kontraktor menghilangkan diri setelah menerima bayaran tanpa menyiapkan kerja.

Kegagalan dalam memilih kontraktor yang berkelayakan boleh menyebabkan projek terbengkalai, malah pemilik rumah mengalami kerugian besar. Oleh itu, pemilihan kontraktor yang tepat sangat penting bagi memastikan pengubahsuaian berjalan lancar dan hasilnya memuaskan. Sebelum melantik kontraktor, berikut adalah beberapa langkah yang boleh diambil bagi mengelakkan masalah di kemudian hari.

Pertama, dapatkan sebut harga dari beberapa kontraktor. Pastikan anda mendapatkan sekurang-kurangnya tiga sebut harga daripada syarikat kontraktor yang berbeza untuk perbandingan. Jangan mudah tergodanya dengan harga yang terlalu murah, kerana ia mungkin menjejaskan kualiti kerja. Kedua, semak lesen dan pendaftaran kontraktor. Pastikan kontraktor mempunyai lesen perniagaan yang sah serta berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

Kontraktor yang berdaftar lebih dipercayai dan profesional dalam menjalankan kerja mereka. Ketiga, nilai pengalaman dan keupayaan kontraktor. Semak pengalaman kontraktor dalam bidang pengubahsuaian rumah. Pastikan mereka mempunyai tenaga kerja mahir dan sumber yang mencukupi untuk menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Keempat, periksa hasil kerja sebelum ini. Minta untuk melihat projek terdahulu yang pernah disiapkan oleh kontraktor tersebut. Anda juga boleh mendapatkan maklum balas daripada pelanggan mereka sebelum ini untuk menilai tahap kepuasan terhadap hasil kerja.

Bagi memastikan pemilihan kontraktor dibuat dengan adil dan teliti, pemilik rumah boleh menggunakan sistem merit. Berikan markah kepada setiap kontraktor berdasarkan kriteria di atas, dan pilih

kontraktor dengan jumlah markah tertinggi. Kaedah ini dapat membantu membuat keputusan dengan lebih objektif. Selain itu, pemilik rumah harus merancang kewangan dengan bijak. Sebaiknya, sediakan bajet tambahan sebanyak 30 hingga 50 peratus daripada anggaran asal untuk menampung sebarang perubahan atau kejadian tidak dijangka semasa proses pengubahsuaian berlangsung.

Sebagai kesimpulan, pengubahsuaian rumah boleh menjadi satu pelaburan yang berbaloi jika dilakukan dengan perancangan yang betul. Dengan memilih kontraktor yang berkelayakan dan berpengalaman, pemilik rumah dapat mengelakkan masalah yang sering berlaku serta memastikan hasil akhir menepati jangkaan. Rancanglah dengan teliti, buat pilihan yang bijak, dan pastikan rumah impian anda menjadi kenyataan!



WORK

Merungkai Potensi: Prestasi Pekerja dalam Era Kerja Jarak Jauh

Nor Azlin Binti Rosli

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Komputer dan Matematik

Pandemik tu memang betul-betul mengubah cara kita bekerja. Dulu, kerja dari rumah ni macam satu kelebihan saja, tapi sekarang sudah jadi kebiasaan. Syarikat-syarikat pun terpaksa ikut rentak, dan sekarang, cara kita kerja, berhubung, dan ukur kejayaan itu juga sudah berubah. Jadi, karangan ini akan menceritakan tentang bagaimana kerja jarak jauh ini mempengaruhi prestasi pekerja, peluang apa yang ada, dan cabaran yang kita kena atasi supaya semua boleh membuat kerja dengan cemerlang dalam dunia digital ini.

Memang tidak dinafikan, kerja dari rumah ini mempunyai banyak faedahnya. Salah satunya ialah produktiviti meningkat. Kalau pekerja itu diberikan kebebasan untuk mengatur masa dan tempat kerja sendiri, selalunya mereka akan buat kerja dengan lebih baik. Tak ada gangguan bising di pejabat, boleh fokus, memang ramai yang rasa lebih efisien. Selepas itu, kerja dari rumah juga fleksibel. Boleh imbangkan kerja dengan hal peribadi. Kurang tekanan, kerja pun lagi seronok. Bila seronok, mestilah menjadi lebih bersemangat dan komited, kan?

Selain tu, kerja jarak jauh ni buka peluang untuk syarikat ambil pekerja dari seluruh dunia. Tidak perlu risau pasal lokasi lagi. Boleh ambil orang yang paling berkelayakan dan berbakat. Bila ada orang dari macam-


macam latar belakang, pastikan kerja pun jadi lebih kreatif dan inovatif.

Tapi, jangan ingat semua indah belaka. Kerja dari rumah ini ada juga cabarannya. Yang paling ketara, masalah komunikasi. Bila tidak jumpa, bersemuka, kadang-kadang susah untuk memahami arahan dan sebagainya. Idea pun boleh hilang, kerjasama pun jadi payah. Lepas itu, bila tidak berjumpa kawan-kawan pejabat, boleh rasa sunyi dan terasing. Ini memang boleh menjejaskan emosi dan mental pekerja.

Satu lagi cabaran, cara untuk mengukur prestasi pekerja. Dulu, kita tengok dia datang kerja, nampak depan mata. Tapi sekarang, kena fokus pada hasil kerja dia. Dan jangan lupa, isu keselamatan siber pun penting. Bila semua orang kerja dari rumah, lagi senang data syarikat kena curi. Jadi, kena ada peraturan dan latihan yang ketat.

Jadi, macam mana nak pastikan pekerja berjaya dalam kerja jarak jauh ini? Syarikat kena buat strategi yang betul. Mula-mula, kena melabur dalam teknologi. Bagi pekerja perisian untuk kerjasama, platform komunikasi yang selamat, dan komputer yang bagus. Selepas itu, kena pupuk budaya komunikasi yang baik. Galakkan semua orang berakap terus terang, sentiasa buat mesyuarat bervideo dan guna platform untuk kongsi dokumen.





Jangan lupa, kena tetapkan matlamat yang jelas. Bila ada matlamat, pekerja tahu apa yang mereka kena buat. Guna sistem untuk ukur prestasi, tengok kemajuan mereka, dan bagi maklum balas yang membina. Keseimbangan kerja dan hidup pun penting. Syarikat kena galakkan pekerja ambil cuti, rehat cukup, dan atur masa dengan baik.

Selain tu, cuba bina komuniti online atau dalam talian. Buat aktiviti pasukan, bengkel, atau acara virtual. Ini boleh buat pekerja rasa lebih terhubung. Jangan lupa, bagi pekerja latihan dan sokongan. Ajar mereka cara menggunakan teknologi baharu, berkomunikasi dengan baik, dan urus masa dengan betul. Akhir sekali, pastikan ada dasar keselamatan siber yang kukuh.

Kesimpulannya, kerja jarak jauh ini bukan sementara. Ia sudah menjadi sebahagian daripada dunia pekerjaan. Syarikat yang pandai menyesuaikan diri dan melabur dalam strategi yang betul akan dapat pekerja yang lebih produktif, bersemangat, dan komited. Kalau kita fokus pada komunikasi, kerjasama, keseimbangan kerja dan hidup, dan keselamatan siber, kita boleh buka potensi penuh kerja jarak jauh dan bina masa depan kerja yang lebih baik. Masa depan tu fleksibel, dan syarikat yang terima perubahan ni akan berjaya.



Biar Wasiat Jadi Suara Terakhir

Prof Madya Dr Faridah Hussain
Pensyarah Fakulti Undang-Undang

Membuat wasiat ialah salah satu langkah paling penting untuk memastikan harta pewasiat diagihkan mengikut kehendak beliau selepas beliau meninggal dunia. Ia juga memberikan arahan yang jelas kepada semua waris-waris.

Wasiat orang Islam

Rasulullah s.a.w bersabda:

“Sesiapa yang mati meninggalkan wasiat, maka dia mati di atas jalan yang lurus dan sunnah, mati di atas ketakwaan dan keimanan, serta mati dalam keadaan memperoleh keampunan (daripada Allah s.w.t).”

Diriwayatkan oleh al-imam Ibnu Majah daripada Jabir r.a.

Berdasarkan hadis di atas, jelas bahawa Islam menggalakkan umatnya membuat wasiat. Orang-orang Islam di Malaysia boleh membuat wasiat. Beberapa negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan dan Pahang telah ada Enakmen untuk undang-undang wasiat untuk orang-orang Islam. Walau bagaimanapun, negeri-negeri lain tidak ada Enakmen khas untuk wasiat bagi orang-orang Islam.

Contoh panduan menulis wasiat dapat dilihat dari Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri Selangor) 1999. Menurut seksyen 2 dari Enakmen ini, wasiat ertinya ikrar seseorang yang diperbuat pada masa hayatnya ke atas hartanya. Pewasiat berikrar untuk menyempurnakan sesuatu bagi maksud kebajikan atau apa-apa maksud yang dibenarkan menurut Hukum Syarak, selepas pewasiat mati.

Di bawah peruntukan seksyen 3 dari Enakmen Wasiat Orang Islam (Negeri

Selangor) 1999, sesuatu wasiat boleh dibuat dengan lisan atau tulisan. Akan tetapi, jika pewasiat itu tidak dapat melakukan sedemikian, wasiatnya boleh dibuat dengan cara isyarat yang boleh difahami.

Tatacara yang digariskan sebagai panduan membuat wasiat bagi orang Islam dapat dilihat dari hadis berikut:

Sahabat Nabi s.a.w, iaitu Saad bin Abi Waqash ada berkata;

“Wahai Rasulullah aku memiliki harta dan tidaklah ada yang mewarisinya kecuali hanya seorang anak perempuanku. Apakah aku sedekahkan dua pertiga daripada hartaku?”

Baginda berkata; “Jangan.”

Aku bertanya lagi,

“Apakah aku sedekahkan setengah darinya?”

Baginda bersabda lagi,

“Jangan, sepertiga sahaja. Sepertiga itu pun sebenarnya banyak. Sesungguhnya engkau tinggalkan ahli warismu dalam keadaan kaya lebih baik daripada engkau tinggalkan mereka dalam keadaan miskin dan meminta-minta kepada orang lain.”

Mengenai kedudukan pemakaian undang-undang Islam di Malaysia, adalah diputuskan bahawa undang-undang Islam bukan undang-undang asing bahkan ia adalah undang-undang negeri. Oleh itu, ia hendaklah diberi pengiktirafan kehakiman oleh mahkamah (Lihat kes Ramah binti Ta'at lwn Laton binti Malim Sultan, kes di Mahkamah Rayuan Negeri-Negeri Bersekutu Selangor, Rayuan Sivil Bil 7 Tahun 1927).

Wasiat orang bukan Islam

Akta Wasiat 1959 memperuntukkan tatacara menulis wasiat bagi orang-orang bukan Islam di Malaysia. Seksyen 5 dari Akta ini memperuntukkan bahawa wasiat hendaklah dibuat secara bertulis. Sesiapa yang mencapai umur dewasa boleh menulis wasiat. Wasiat hendaklah ditulis di hadapan dua orang saksi.

Pewasiat hendaklah mempunyai keupayaan perwasiat. Jika kesahan wasiat dicabar, beban membuktikan keupayaan perwasiat dan pelaksanaan sewajarnya terletak ke atas orang yang mengemukakan wasiat itu (Lihat kes *Eu Boon Yeap & Ors v Ewe Kean Hoe* [2008] 2 MLJ 868; *Lee Ing Chin @ Lee Teck Seng & Ors v Gan Yook Chin & Anor* [2003] 2 MLJ 97. Dapat disimpulkan bahawa wasiat tidak boleh dibuat secara tipu muslihat.

Perancangan berkesan

Pewasiat boleh mula dengan menyenaraikan semua aset, termasuk hartanah, simpanan, pelaburan, barangan peribadi, dan aset digital. Kemudian, pewasiat boleh menentukan siapa yang akan menerima aset tersebut. Individu-individu ini dikenali sebagai penerima wasiat atau benefisiari.

Pewasiat boleh memilih seorang individu yang dipercayai untuk menjadi wasi. Wasi atau pelaksana akan melaksanakan arahan dalam wasiat bagi pewasiat. Wasi mestilah seseorang yang bertanggungjawab dan sebaiknya mempunyai pengetahuan dalam hal-hal kewangan dan undang-undang.

Jika pewasiat mempunyai anak di bawah umur 18 tahun, beliau boleh menamakan penjaga yang akan menjaga mereka. Jika tidak, mahkamah mungkin akan menentukan siapa yang akan menjaganya.

Pewasiat boleh menulis wasiat sendiri. Khidmat peguam boleh juga digunakan untuk memastikan wasiat adalah sah dan lengkap. Pewasiat perlu menandatangani wasiat di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi. Saksi tidak boleh menjadi benefisiari.

Wasiat bukan sekadar kertas. Ia memberi kesan perundangan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa dengan membuat wasiat, pewasiat dapat menikmati ketenangan hati sebelum mati. Walaupun harta tidak boleh dibawa mati, akan tetapi wasiat boleh menjadi suara terakhir bagi pewasiat.

(Penulis juga merupakan Peguambela & Peguamcara, Mahkamah Tinggi Malaya)



Motivasi Diri Berdasarkan Penilaian Prestasi

Dr Mohamad Firdaus bin Ahmad,
Nur Syazwani Zulaikha binti Safwan

Pensyarah Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi

Penilaian prestasi sering dilihat sebagai alat untuk mengukur pencapaian pekerja. Penilaian prestasi ini sebenarnya merupakan satu proses penting dalam pengurusan sumber manusia yang berfungsi untuk menilai tahap pencapaian pekerja terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Selain daripada menentukan kenaikan pangkat atau ganjaran, penilaian prestasi yang dijalankan secara telus dan adil mampu menjadi pemangkin utama kepada motivasi harian pekerja dalam organisasi. Pekerja yang mengetahui prestasi mereka dinilai secara objektif dan konstruktif adalah cenderung untuk lebih komited dan menunjukkan prestasi kerja yang lebih baik. Pihak pengurusan organisasi yang terlibat dalam penilaian prestasi pekerja perlu memahami kepentingan penilaian prestasi ini kerana ianya bukan sahaja tertumpu pada pengukuran prestasi, tetapi juga kepada pembangunan sumber manusia itu sendiri.

Dalam konteks pekerjaan, motivasi pekerja adalah amat penting kerana memberi pengaruh kepada tahap produktiviti dan kualiti kerja. Apabila seseorang pekerja merasakan usaha mereka diiktiraf dan dinilai secara adil, mereka akan lebih terdorong untuk

memberikan prestasi yang terbaik. Sebaliknya, jika penilaian dilakukan secara sambil lewa atau berat sebelah, ia boleh menimbulkan rasa tidak puas hati, sekaligus menjejaskan motivasi dan komitmen mereka terhadap organisasi. Beberapa kajian terdahulu menunjukkan bahawa penilaian prestasi yang efektif mampu meningkatkan kepuasan kerja, menurunkan kadar keluar masuk pekerja dan memperkukuh hubungan antara majikan dan pekerja.

Penilaian prestasi berfungsi sebagai platform untuk menyampaikan maklum balas serta mengenal pasti keperluan latihan dan pembangunan pekerja. Melalui penilaian prestasi yang dijalankan mampu untuk memberikan maklum balas yang jelas kepada pekerja mengenai kekuatan dan kelemahan diri mereka. Ini memberi ruang kepada pekerja untuk menambah baik diri serta menetapkan matlamat profesional yang lebih jelas. Tambahan pula, melalui sesi penilaian, pekerja berpeluang untuk berkomunikasi secara terus dengan pihak pengurusan, sekali gus memperkukuh hubungan dua hala dan membina budaya kerja yang lebih terbuka dan positif.

Namun begitu, keberkesanan penilaian prestasi bergantung kepada pendekatan dan sistem yang digunakan. Penilaian

yang terlalu umum, tidak konsisten atau terlalu subjektif boleh membawa kesan negatif kepada semangat pekerja. Oleh itu, penting untuk organisasi membangunkan sistem penilaian yang jelas, terstruktur dan berasaskan prestasi sebenar yang boleh diukur. Berdasarkan pemerhatian dan pengalaman penulis, terdapat pelbagai cara amalan penilaian prestasi digunakan oleh seseorang penilai berdasarkan pengalaman mahupun emosi mereka. Penting untuk difahami bahawa penilaian prestasi berdasarkan emosi yang tidak stabil memberi kepada penilaian terhadap pekerja.

Oleh itu, pihak yang bertanggungjawab di dalam organisasi untuk memberi penilai kepada pekerja perlu untuk mempunyai kemahiran menilai yang baik kerana penilaian prestasi bukan sekadar alat untuk mengukur pencapaian pekerja, tetapi juga satu mekanisme penting dalam meningkatkan motivasi dan keberkesanan kerja. Apabila penilai dilakukan dengan baik, ia mampu menyemarakkan semangat pekerja untuk terus cemerlang dan memberi sumbangan positif kepada organisasi. Melalui pendekatan yang tepat, ia dapat menjadi pemangkin kepada budaya kerja yang cemerlang dan produktiviti yang mampan.



Penilaian Risiko Tempat Kerja & Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (Pindaan 2022): MITASA Sedia Membantu

Dr Mohammad Ghazali Masuri
Pensyarah Kanan Fakulti Sains Kesihatan

MITASA dan perjuangan di dalam melindungi hak, maruah, dan kesejahteraan semua kakitangan akademik di UiTM tidak dapat dinafikan. Selain itu, 'kelahiran' MITASA di universiti ini adalah ingin memupuk sikap toleransi serta menjadikan tempat kerja yang adil dan saksama. MITASA juga secara berterusan berusaha mempromosikan keadilan sosial dan ekonomi untuk ahli-ahlinya. Bagi mencapai matlamat ini, MITASA sentiasa cakna dengan perubahan serta perundangan yang digariskan oleh pihak kerajaan.

Kesihatan psikososial dan cabaran sebagai pensyarah


Menurut beberapa kajian yang dijalankan di seluruh negara, istilah 'kesihatan psikososial' merangkumi aspek mental, emosi, sosial dan rohani kesejahteraan. Ia juga melibatkan interaksi antara faktor psikologi dan sosial di tempat kerja. Secara umum kita menghabiskan sekitar 1/3 dari hari kita di tempat kerja. Ini secara langsung menjadikan tempat kerja sebagai sebahagian dari agen risiko. Risiko psikososial ialah gabungan kemungkinan berlakunya pendedahan kepada bahaya berkaitan kerja yang bersifat psikososial

dan keterukan kecederaan dan kesihatan yang buruk yang boleh disebabkan oleh bahaya ini (ISO 45003: 2021). Berikut adalah beberapa contoh risiko psikososial tempat kerja:

- **Beban kerja:**
Beban kerja yang berlebihan atau tarikh akhir yang tidak realistik.
- **Konteks Kerja:**
Komunikasi yang lemah, konflik atau kekurangan sokongan sosial.
- **Kandungan Kerja:**
Tugasan monoton atau berulang.
- **Kawalan Kerja:**
Kekurangan autonomi atau kuasa membuat keputusan.
- **Kejelasan Peranan:**
Peranan atau tanggungjawab pekerjaan yang tidak jelas.
- **Budaya Organisasi:**
Buli, gangguan atau diskriminasi.
- **Imbangan Kerja-Kehidupan:**
Jadual kerja yang tidak fleksibel atau waktu kerja yang panjang.
- **Pembangunan Kerjaya:**
Peluang terhad untuk pertumbuhan atau kemajuan.

Risiko psikososial boleh menyebabkan peningkatan tekanan, keletihan, kebimbangan, kemurungan, dan mengurangkan kepuasan kerja. Mereka juga boleh menyumbang kepada masalah kesihatan fizikal seperti masalah kardiovaskular. Organisasi mungkin mengalami penurunan produktiviti, peningkatan ketidakhadiran dan ketidakhadiran, kadar pusing ganti yang lebih tinggi, dan kerosakan reputasi jika risiko psikososial tidak diurus dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, demi memastikan keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan ahlinya, MITASA berusaha membantu pihak universiti secara tidak langsung dengan menjalankan penilaian risiko tempat kerja seperti mana yang digariskan oleh akta OSHA 1994 (Pindaan 2022). Sebagai contoh, tindakan aktif MITASA menjalankan penilaian risiko psikososial tempat kerja yang melibatkan ahlinya pada tahun lalu merupakan satu tindakan yang harus dipuji dan sejajar dengan keperluan akta di atas (yang pertama berdasarkan garis panduan PRisMA 2024). Ini dipandu oleh garis panduan penilaian dan pengurusan risiko psikososial tempat kerja (PRisMA 2024) seperti mana yang dihasilkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) Malaysia. Program saringan ini adalah berpandukan proses di bawah.

Untuk makluman pembaca sama ada sebagai majikan atau pekerja, berikut disertakan petikan akta tersebut yang menyatakan bahawa majikan adalah wajib menjalankan penilaian risiko tempat kerja.



Carta alir PRisMA 2024.

Duty to conduct and implement risk assessment

18a. (1) Every employer, self-employed person or principal shall conduct a risk assessment in relation to the safety and health risk posed to any person who may be affected by his undertaking at the place of work.

(2) Where a risk assessment indicates that risk control is required to eliminate or reduce the safety and health risk, the employer, self-employed person or principal shall implement such control.

(3) For the purposes of this section, "risk assessment" means the process of evaluating the risks to safety and health arising from hazards at work and determining the appropriate measures for risk control."

Amendment of section 19

17. Section 19 of the principal Act is amended—

- (a) in the shoulder note, by substituting for the words "or 18" the words ", 18, 18a or 18b";
- (b) by substituting for the words "or 18" the words ", 18, 18a or 18b"; and
- (c) by substituting for the words "fifty thousand" the words "five hundred thousand".

Petikan section 18B dan section 19 akta sama.

Sehubungan dengan itu, semua ahli sangat digalakkan menyuarakan dan memanjangkan aduan atau apa sahaja isu berkaitan psikososial tempat kerja kepada MITASA. Dengan saringan dan dapatan risiko, kita dapat membantu menjadikan antara satu sama lain. Ingin tahu lebih? Hubungi kami segera.

Graduan dalam bidang Teknologi Maklumat kini berdepan dengan pelbagai cabaran dalam mencari pekerjaan dan menyesuaikan diri dengan industri yang berkembang pesat. Setiap tahun, institusi pengajian tinggi di Malaysia melahirkan puluhan ribu graduan dalam bidang ini, dan angka ini terus meningkat saban tahun. Kesan langsungnya ialah persaingan untuk mendapatkan pekerjaan menjadi semakin sengit. Justeru, graduan perlu menonjolkan kelebihan tersendiri agar mereka lebih menonjol di mata majikan.

Antara keperluan utama ialah memiliki nilai tambah seperti pensijilan profesional atau pengalaman praktikal. Dalam dunia pekerjaan sebenar, kehadiran sekeping ijazah sahaja tidak mencukupi untuk menyaingi graduan lain. Pensijilan seperti TensorFlow Developer Certificate, Microsoft Certified: Azure AI Engineer, atau dalam bidang keselamatan siber seperti Certified Ethical Hacker (CEH) dan CompTIA Security+ mampu meningkatkan kebolehpasaran. Dalam bidang cloud computing pula, sijil seperti AWS Certified Solutions Architect dan Cloud Computing Certifications menjadi pilihan utama majikan. Hal ini penting kerana teknologi berkembang pantas dan kemahiran yang dipelajari di universiti boleh menjadi usang jika tidak dikemaskini secara berterusan. Graduan juga digalakkan mempelajari kemahiran baharu seperti Artificial Intelligence (AI), keselamatan siber, dan cloud computing bagi kekal relevan.

Namun begitu, pensijilan sahaja tidak memadai tanpa pengalaman praktikal yang membuktikan kebolehan sebenar. Graduan disarankan agar memanfaatkan peluang semasa latihan industri dengan menyertai projek freelance, open-source seperti di GitHub, atau membangunkan sistem seperti chatbot dan pengecaman wajah menggunakan Python dan TensorFlow. Pengalaman sebegini membuktikan bahawa mereka bukan sahaja mempunyai sijil, tetapi juga mampu mengaplikasikan ilmu dalam situasi sebenar.

Tambahan pula, isu ketidakpadanan kemahiran (skills mismatch) masih menjadi cabaran utama. Apa yang diajar di bilik kuliah kadangkala tidak selari dengan keperluan industri sebenar. Oleh itu, inisiatif sendiri seperti mengikuti kursus dalam talian atau menyertai bootcamp teknologi amat digalakkan. Graduan perlu keluar dari zon selesa, bersedia mempelajari perkara baharu di luar silibus, dan berani menyalut cabaran yang tidak diduga.

Selain kemahiran teknikal, kemahiran insaniah atau soft skills juga memainkan peranan penting. Majikan hari ini bukan hanya mencari individu yang mahir secara teknikal, tetapi juga yang mampu berkomunikasi dengan baik, bekerja dalam pasukan, dan mempunyai pemikiran kritis serta kreatif. Ramai graduan gagal menyalut kerana terlalu memberi fokus

Cabaran dan Keperluan Graduan Teknologi Maklumat dalam Dunia Pekerjaan Masa Kini

Ts Dr Zaid Mujaiyid Putra Ahmad Baidowi

Pensyarah Kanan Pusat Asasi



kepada aspek teknikal semata-mata dan mengabaikan pembangunan diri dalam aspek komunikasi dan kepimpinan.

Rangkaian profesional juga perlu dibina seawal mungkin. Graduan yang tidak aktif menjalin hubungan dengan industri akan ketinggalan kerana mereka mengharapkan majikan yang datang mencari mereka. Sebaliknya, dengan jaringan yang luas, lebih banyak peluang pekerjaan boleh diterokai, termasuk peluang yang menawarkan gaji yang lebih tinggi.

Dari sudut penawaran gaji, tidak semua syarikat mampu menyediakan imbuhan yang setimpal dengan kemahiran graduan. Walaupun bidang Teknologi Maklumat menuntut tahap

kemahiran yang tinggi, ada kalanya graduan terpaksa menerima gaji yang rendah atas faktor kemampuan syarikat. Ini adalah realiti yang perlu dihadapi. Maka, graduan perlu bijak menilai dan membuat pilihan kerjaya berdasarkan keadaan semasa serta potensi jangka panjang.

Secara keseluruhannya, graduan dalam bidang Teknologi Maklumat perlu sentiasa proaktif, berdaya saing dan bersedia untuk menyesuaikan diri dengan perubahan teknologi. Gabungan kemahiran teknikal, pensijilan profesional, pengalaman praktikal, kemahiran insaniah, dan jaringan industri akan membentuk graduan yang lengkap dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan masa kini.

“SELAMAT KE KITA NI?”: Meneroka ‘OSH’

Sharifah Yuliana Syed Ali Hanafiah

Pensyarah Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media

Penulis Bersama: Siti Fatimah Awang

Setiap hari apabila berada di dalam kelas, kami akan memerhati keadaan keliling. Hanya ada satu pintu yang boleh digunakan untuk keluar dan masuk. Setiap tingkap ber’grill’ mati dan juga pintu yang satu lagi dikunci rapi. Kelas dipenuhi meja dan kerusi. Terdetik seandainya ada keccemasan seperti kebakaran, ketika setiap insan akan sibuk menyelamatkan nyawa masing-masing, boleh selamatkah semuanya?

OSH atau Occupational Safety and Health merujuk kepada keselamatan dan kesihatan pekerjaan, yang merupakan disiplin yang mengutamakan perlindungan pekerja daripada risiko kecederaan, penyakit, dan bahaya yang berkaitan dengan pekerjaan mereka. OSH merangkumi langkah-langkah untuk memastikan pekerja berada dalam persekitaran kerja yang selamat dan sihat, serta melindungi kesihatan fizikal dan mental mereka.

OSH mempunyai beberapa objektif utama antaranya ialah untuk mencegah kemalangan semasa melakukan pekerjaan sekaligus mengurangkan risiko kemalangan yang boleh menyebabkan kecederaan mahupun kematian. Bukan itu sahaja, ia juga dapat mengelak daripada penularan penyakit berkaitan dengan persekitaran kerja, selain memastikan pekerja sentiasa sihat mental dan fizikal.

OSH mempunyai elemen tersendiri iaitu penilaian risiko, yang digunakan untuk mengenalpasti apakah nilai risiko yang ada ditempat kerja kita. Selain itu apakah pakaian ataupun kelengkapan yang sesuai kita gunakan semasa melakukan sesuatu pekerjaan. Tidak semua pakaian pekerja adalah sama, terutamanya dalam bidang-bidang yang dikhaskan dengan pakaian seragam atau uniform lengkap.

Bagaimana pula dengan latihan keselamatan semasa berada di tempat kerja, jika sesuatu kemalangan berlaku. Adakah kita hanya perlu hafal nombor 999 sahaja untuk dihubungi atau hanya bergantung harap pada pemadam api ataupun kotak alat bantuan keccemasan sahaja? Semestinya kita perlu mempunyai kemahiran untuk mengendalikan situasi tersebut. Jika pun segala keperluan disediakan, namun pekerja itu sendiri tidak mempunyai kemahiran, ia tidak langsung membantu.





Tempat kerja juga perlu menyediakan peraturan dan polisi keselamatan yang sesuai mengikut skop pekerjaan dan lokasi kerja berkenaan. Hal ini sangat penting kerana skop pekerjaan setiap orang adalah tidak sama, sama ada lokasinya di dalam bangunan mahupun di luar bangunan. Ini yang perlu dititik beratkan majikan kerana peraturan ini seharusnya menjadi garis panduan terbaik untuk pekerja melakukan sebarang tindakan jika berlaku sesuatu yang tidak diinginkan. Garispanduan Pencegahan Kemalangan Di Tempat Kerja yang diterbitkan oleh Unit Kesihatan Pekerjaan, Kementerian Kesihatan Malaysia boleh dijadikan sumber rujukan bagi setiap Ketua Jabatan bagi menyediakan polisi berkaitan OSH di pejabat atau tempat kerja masing-masing.

Bukan hanya menyediakan peraturan namun pemantauan juga perlu dilakukan bagi memastikan pekerja ini patuh kepada peraturan yang telah ditetapkan kerana sebarang kecelakaan itu dapat dibendung lebih awal jika sama-sama mematuhi peraturan yang ditetapkan.

Bukan hanya kepada pekerjaan yang berat, namun kerja-kerja pengkeranian mahupun yang berada di pejabat tidak terkecuali dengan pelbagai situasi kecemasan. Sekiranya anda seorang pensyarah, jika ada pelajar yang sesak nafas, terkena sawan, pengsan dan sebagainya, apakah tindakan yang perlu dilakukan, sebelum tibanya pasukan penyelamat. Jika kita sedang menimba ilmu di makmal sains, dengan pelbagai bahan kimia yang digunakan, apakah langkah yang harus dilakukan jika sesuatu berlaku kepada pensyarah mahupun pelajar tersebut.

Ini antara perkara yang sering kali kita lupa, atau buat-buat lupa kerana kita terlalu yakin dan percaya pasukan keselamatan akan tiba tepat pada waktunya. Sedangkan apa sahaja boleh berlaku, mereka juga manusia biasa. Jika kita mempunyai kelebihan dan

kemahiran dan bersikap ingin ambil tahu dengan langkah penjagaan dan pencegahan, maka banyak perkara dapat dimanfaatkan.

Kita boleh mengurangkan risiko kemalangan, meningkatkan produktiviti, sekaligus mengurangkan kos perubatan dan ganti rugi, dan akhir sekali dapat meningkatkan moral dan kepuasan pekerja. Banyak skop manfaat yang kita dapat dari tindakan kita yang tidak seberapa itu. Maka bila lagi kita mahu mengambil tahu? Tunggu berlaku dulu sesuatu yang tidak diinginkan baru sibuk mahu belajar itu dan ini. Jangan mengamalkan sikap sebegitu kerana akhirnya kelak tidak membawa apa-apa kebaikan kepada kita, sebagai pekerja, majikan dan sebagainya.

Perkara ini sudah termaktub di dalam undang-undang OSH di Malaysia secara umumnya iaitu melalui Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) yang menggariskan tanggungjawab majikan untuk menyediakan tempat kerja yang selamat dan sihat. Selain itu, Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1996 yang menyediakan garis panduan keselamatan yang spesifik untuk pelbagai industri.

Maka majikan perlu mengambil peduli tentang hal ini, bukan hanya menyediakan tempat kerja yang berhawa dingin, sofa yang empuk, meja yang kemas dan besar, komputer yang canggih dan sebagainya. Keselamatan dan kesihatan pekerjaan adalah tanggungjawab bersama, melibatkan majikan, pekerja, dan pihak berkuasa. Semua pihak perlu bekerjasama untuk mewujudkan persekitaran kerja yang selamat dan produktif. Semoga kita bersama-sama boleh mengelakkan kemalangan yang tidak berbau dan mungkin boleh dibau lagi-lagi apabila kita membuat refleksi dalam kehidupan seharian; "selamatkah kita bekerja di sini?"

Pengalaman penulis sebagai penemuduga untuk program Ijazah undang-undang di Fakulti Undang-Undang UiTM Shah Alam setelah beberapa lama tidak berbuat demikian adalah amat memeranjatkan. Didapati, majoriti pelajar yang hadir untuk ditemuduga tidak bersedia daripada segi ilmiah untuk menghadapi temuduga tersebut. Dalam kelompok yang ditemuduga itu, majoriti calon-calon adalah pelajar daripada diploma UiTM sendiri. Masing-masing daripada pelbagai fakulti. Setiap kursus di UiTM sememangnya mempunyai sekurang-kurangnya satu mata pelajaran undang-undang yang berkaitan.

Selepas proses 'ice breaking', setiap calon tersebut diminta memilih dan seterusnya menjelaskan tentang subjek undang-undang mereka telah belajar. 95 peratus daripada mereka tidak dapat menjawab dengan baik atau betul. Adakah mereka merasakan berpakaian seperti seorang peguam sudah cukup untuk menyakinkan penemuduga untuk menerima mereka sebagai pelajar undang-undang? Atau mereka merasakan berhak atau 'entitled' untuk mendapat tempat kerana mereka adalah pelajar program diploma daripada UiTM juga?

Menghadiri temuduga untuk kursus ijazah di universiti adalah peristiwa penting bagi pelajar yang beralih dari pendidikan menengah, kajian asas, atau program diploma. Temuduga ini berfungsi sebagai platform bagi panel kemasukan universiti menilai kesediaan, semangat, dan kesesuaian calon untuk kursus yang digunakan. Oleh itu, penyediaan dan pemahaman menyeluruh mengenai cabaran yang akan datang adalah penting untuk berjaya melepasi saringan ini.

Persediaan adalah asas utama kepada kejayaan temu duga. Pelajar mesti melengkapkan diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk menampilkan diri dengan yakin dan berkesan. Langkah-langkah utama termasuk:

Menyusun dokumen penting dengan kemas

Adalah amat penting bagi pelajar untuk menyediakan semua dokumen yang berkaitan seperti sijil akademik, transkrip, surat pengesyoran, dan resume yang tersusun dengan baik. Ia mencerminkan sikap pelajar. Susun dalam fail yang mempunyai folder supaya mudah diselak dan dibaca. Susunan mesti daripada yang terkini dahulu. Sijil-sijil perlu disusun mengikut keutamaan untuk membantu meyakinkan penemuduga bahawa pelajar sesuai untuk program yang diminta. Dokumen yang hilang atau tidak lengkap boleh mengganggu proses temuduga serta memberi tanggapan bahawa pelajar tidak serius atau betul-betul berminat dengan program tersebut.

Memahami kursus dan universiti pilihan

Pemahaman mendalam tentang kursus ijazah yang dipohon adalah penting. Ini termasuk pengetahuan tentang struktur kursus, subjek teras, prospek kerjaya, dan kaitannya dengan industri. Pelajar juga perlu tahu perkara-perkara asas mengenai universiti serta fakulti tersebut seperti nama penuh naib canselor, nama penuh dekan fakulti (berserta gelaran akademik atau gelaran kehormat masing-masing) dan yang seumpamanya. Calon yang berpengetahuan baik akan cenderung untuk meninggalkan kesan positif kepada penemuduga.

Membangunkan kemahiran komunikasi berkesan

Komunikasi yang baik adalah penting semasa temuduga. Pelajar harus berlatih menyatakan pendapat dan fakta dengan jelas dan yakin. Ini termasuklah menjawab soalan teknikal, isu semasa, membincangkan motivasi dan menerangkan matlamat kerjaya masa depan.

Persediaan dan Cabaran Pelajar Lulusan SPM, Asasi, dan Diploma dalam Temuduga Ijazah

Atifah Othman

Pensyarah Kanan Pusat Asasi



Menonjolkan imej yang profesional

Penampilan semasa temuduga universiti amat penting. Berpakaian yang sesuai, mengekalkan postur yang baik dan menunjukkan bahasa badan yang hormat boleh memberi kesan yang ketara kepada persepsi panel. Adalah lebih selamat untuk memilih warna pakaian yang mendamaikan serta biasanya digemari ramai atau mengikut kursus yang diminta. Contohnya, untuk ijazah undang-undang warna hitam, putih, biru gelap atau kelabu gelap adalah warna-warna yang biasa dipakai oleh pengamal undang-undang. Untuk pelajar perempuan, perlu memakai kasut bertutup yang berwarna gelap. Pelajar lelaki perlu memakai stokin yang formal. Ini bukanlah masa untuk membuat 'fashion statement' kecuali bidang yang anda pohon itu adalah bidang seni yang memerlukan kreativiti.

Cara menjawab yang tidak beremosi dan ilmiah juga penting apabila menjawab soalan-soalan yang berbentuk isu semasa. Elakkan jawapan yang berasaskan perbincangan netizen dalam media sosial semata-mata.

DON'T PANIC

Cabaran Yang Dihadapi Semasa Temuduga

Walaupun persediaan rapi, ramai pelajar menghadapi beberapa cabaran semasa proses temu duga:

Kurang keyakinan

Bagi kebanyakan pelajar, terutamanya mereka yang baru menjalani temuduga rasmi, rasa gementar dan kurang keyakinan adalah isu biasa. Ini boleh mengakibatkan teragak-agak dan jawapan yang tidak jelas kepada soalan temu bual.

Pengetahuan terhad mengenai kursus

Sesetengah calon tidak mahir dengan butiran kursus yang mereka mohon. Jurang pemahaman ini boleh membawa kepada tindak balas yang lemah dan tanggapan negatif.

Kesukaran menjawab soalan teknikal

Bergantung pada kursus, temu bual mungkin termasuk soalan teknikal yang memerlukan pengetahuan khusus. Persediaan yang tidak mencukupi boleh menyebabkan calon bergelut dengan jenis pertanyaan ini.

Halangan komunikasi

Komunikasi yang berkesan boleh menjadi cabaran bagi sesetengah pelajar, terutamanya jika mereka tidak biasa untuk menyatakan fikiran mereka dengan jelas dalam suasana formal. Kekuatan menggunakan bahasa yang ditetapkan juga menjadi faktor utama dalam menilai calon.

Kesimpulannya, menghadiri temuduga universiti untuk kursus ijazah memerlukan persediaan yang mantap dan pemahaman yang jelas tentang program yang dipohon. Pelajar yang meluangkan masa dalam menyusun dokumen, meningkatkan kemahiran komunikasi, dan menyelidik kursus pilihan mereka berada pada kedudukan yang lebih baik untuk berjaya. "Be yourself, but be your good self". Ini kerana ada penemuduga yang boleh 'membaca' pelajar yang berpura-pura baik, 'fake' atau 'plastic'.

Mengatasi cabaran biasa seperti gugup dan soalan teknikal memerlukan latihan dan aktiviti membina keyakinan. Untuk mengatasi masalah ini, mungkin pelajar boleh membuat simulasi sesi temu bual dengan rakan-rakan sebaya. Buat kajian dengan menggunakan internet dan AI untuk mendapatkan gambaran suasana serta soalan-soalan yang biasa ditanya. Bersedia dengan jawapan-jawapan yang selamat jika ditanya soalan-soalan yang agak sukar. Contohnya 'apakah kelemahan anda?'

Dengan persediaan yang mencukupi, pelajar boleh melalui temuduga mereka dengan keyakinan dan peluang yang lebih besar untuk mendapatkan penempatan universiti yang mereka inginkan. Adalah amat menyedihkan apabila ramai calon didapati tidak serius dalam membuat persediaan untuk temuduga sebegini.



Lecturers primary academic responsibilities are known to be in teaching, research and publication, supervision, community social engagement and as academic advisor to students. These are the common expectations of responsibilities among lecturers in various higher institutions of learning. Some institutions have a structured academic advisory system which assigns lecturers to be the academic advisor to a group of students. Such a system is designed to provide guidance and mentoring related to students' academic journey. Many lecturers may wonder about the depth of their roles as academic advisor, and how far interventions and guidance should be or even must it involve dealing with other non-academic matters such as students' overall development.

